

Kerja korek pasir Sungai Pajam dihenti

Oleh Ifwan Tun Tuah
ifwan@bharian.com.my

Pegawai PTD beri surat amaran kontraktor abai garis panduan

NILAI: Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Seremban menghentikan serta-merta operasi kontraktor yang menjalankan kerja mengorek pasir di Sungai Pajam di Kampung Gebok di sini, selepas mendapat laporan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, kelmarin.

Tinjauan *Berita Harian* kira-kira jam 3 petang kelmarin, mendapati beberapa pegawai dan kakitangan PDT Seremban menyerahkan surat amaran kali pertama kepada kontraktor terbabit.

Difahamkan surat amaran itu dikeluarkan selepas PDT mendapat laporan rasmi JPS yang membuat pemeriksaan mengejut di tapak itu pada waktu pagi selepas dimaklumkan hasil tinjauan *Berita Harian* yang mendapati garis panduan penting aktiviti berkenaan tidak dihiraukan kontraktor.

Ketika menyerahkan surat berkenaan, kontraktor diminta mematuhi syarat wajib JPS termasuk membina kolam enapan bersiri di kawasan ditetapkan dan menggunakan pam bagi pengeluaran pasir sungai.

Kontraktor juga diminta mengalihkan dua jengkaut di tebing sungai itu bagi mengelak runtuhan tebing dan hakisan sungai, sebelum dibenarkan menyambung operasi selepas penilaian semula JPS.

Bagaimanapun, cubaan *Sentral* menghubungi Pegawai Daerah Seremban, Hasnul Mohamed, untuk mendapatkan kenyataan rasmi melalui telefon dan SMS tidak berhasil.

Sentral difahamkan, Hasnul yang sedang berkursus enggan memberi sebarang kenya-



PEGAWAI PTD membuat pemeriksaan ke tapak mengorek pasir di Sungai Pajam di Kampung Gebok, Mantin yang didakwa tidak mengikut peraturan sehingga menjejaskan kualiti air dan menyebabkan hakisan tebing sungai.

taan berhubung isu itu buat masa ini dan hanya akan berbuat demikian selepas bekerja semalam.

Sentral dua hari lalu melaporkan penduduk Kampung Gebok, kesal kerana kegiatan mengorek pasir di sungai itu menyebabkan kualiti air terjejas serta mengakibatkan tebing sungai terhakis.

Tinjauan mendapati, keadaan itu dipercayai berlaku kerana aktiviti di tapak berke-

naan tidak mematuhi beberapa garis panduan penting dikeluarkan JPS.

Penduduk mempersoalkan tindakan kontraktor yang meletakkan timbunan pasir di tebing dan memprosesnya di tempat sama sebelum air cucian yang kotor disalurkan kembali ke sungai.

Sementara itu Pengarah JPS negeri, Hashim Osman, yang mengesahkan berlaku pelanggaran syarat teknikal

di tapak itu, berkata pihaknya kesal kerana kontraktor tidak mengikut garis panduan ditetapkan.

"Kita akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa untuk memastikan semua kontraktor mengorek pasir di negeri ini, termasuk di Kampung Gebok, sentiasa mematuhi peraturan demi mengelakkan kemusnahan sungai.

"Kita mempunyai rekod semua kontraktor yang terba-

bit dalam aktiviti berkenaan dan sentiasa bekerjasama dengan PDT untuk mengambil tindakan terhadap pihak yang tidak mematuhi peraturan," katanya.

Hashim turut menafikan JPS tidak membuat pemantauan di Kampung Gebok, sebaliknya menjelaskan kerja mengorek pasir dari dalam sungai belum bermula ketika lawatan pihaknya ke kawasan itu, baru-baru ini.